

# Malaysia bantah dakwaan Gus Dur

UM - 8 DEC 1999

Oleh JOHARDY IBRAHIM

**K**UALA LUMPUR 7 Dis. - Malaysia mengemukakan bantahan keras terhadap Presiden Indonesia, Abdurrahman Wahid yang dilaporkan mendakwa negara ini meminta bantuannya untuk menjalinkan 'hubungan lebih erat' dengan Israel.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, majalah antarabangsa, *Far Eastern Economic-Review (FEER)*, terbitan 9 Disember memetik Abdurrahman sebagai berkata, Malaysia meminta Indonesia untuk menjadi orang tengah dalam usaha menjalinkan hubungan dengan Israel.

Dalam keluaran itu, *FEER* melaporkan Abdurrahman telah memberitahu wartawan yang turut sama mengikuti lawatannya ke Timur Tengah bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memintanya membantu menjalinkan hubungan lebih erat dengan Israel.

"Kerajaan Malaysia menafikan bahawa Dr. Mahathir pernah meminta sebarang bantuan daripada Presiden Abdurrahman dan kita memandang dakwaan itu sebagai sangat serius.

"Malah, isu Malaysia hendak menjalinkan hu-

ubungan dengan Israel tidak pernah ditimbulkan dalam pertemuan kedua-dua pemimpin semasa lawatan Abdurrahman ke Malaysia pada 6 dan 7 November lalu.

"Malaysia membantah sekeras-kerasnya kenyataan Presiden Indonesia itu sebagai tidak berasas.

"Secara ringkasnya, tidak ada kebenaran dalam kenyataan Presiden Abdurrahman itu dan beliau sepatutnya lebih sensitif dalam menjaga hubungan dua hala," katanya pada sidang akhbar mengejut di Wisma Putra di sini hari ini.

Dalam laporan *FEER* itu, Abdurrahman dipetik sebagai berkata, "Mereka (Malaysia) tahu kita adalah sahabat kepada Israel".

*FEER* melaporkan, Malaysia dan Indonesia yang majoriti rakyatnya beragama Islam, tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan Israel tetapi Abdurrahman berkata, beliau berminat untuk mengadakan hubungan komersial dengan negara Yahudi itu.

Sebelum ini, Presiden Indonesia yang mengalami masalah penglihatan itu pernah menyinggung pemimpin negara ini apabila menyindir susah baginya menemui menteri-menteri Malaysia kerana mereka suka bermain golf.

## Sindirian

Sindirian Gus Dur itu dibuat sebaik saja beliau pulang ke negaranya setelah melakukan pertemuan dengan Dr. Mahathir. Kunjungan pertamanya ke Kuala Lumpur ketika itu adalah selang dua hari sebelum Pertandingan Golf Dunia diadakan di Mines Golf Resort, Sri Kembangan dekat sini.

Mengulas lanjut tuduhan Gus Dur itu, Syed Hamid berkata, kerajaan telah memanggil Kuasa Usaha Atas Kedutaan Indonesia,

Drs. Warmars Hassan Saputra untuk menyampaikan rasa kekesalan yang amat sangat kerajaan Malaysia berhubung perkara itu.

Selain itu, kata beliau, Duta Malaysia di Jakarta juga telah diarahkan menemui Menteri Luar Indonesia bagi menyampaikan bantahan kerajaan tersebut.

"Saya ingin mengulangi pendirian Malaysia terhadap Israel tidak pernah berubah dan persoalan mengenai campur tangan pihak ketiga tidak pernah timbul.

"Malaysia tidak akan mengadakan hubungan diplomatik atau tidak rasmi dengan Israel sehinggalah penyelesaian menyeluruh dicapai dalam masalah Timur Tengah," ujarnya.

Menjawab soalan pemeberita mengenai keceluparan Abdurrahman itu Syed Hamid berkata, beliau tidak akan membuat penilaian mengenai perwatakan pemimpin sebuah negara.

"Beliau ada hak untuk berkata apa-apa yang dirasakan betul tetapi apabila menyentuh negara lain, seorang pemimpin itu haruslah mempunyai sensitiviti yang tinggi, apatah lagi terhadap negara-negara jiran tetangganya," katanya.